

**POTENSI SISTEM *PARK AND RIDE* DI BANDARAYA
JOHOR BAHRU**

LOW KAI YEEN

**Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah**

**Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia**

NOVEMBER, 2005

ABSTRAK

Pergantungan kepada pengangkutan persendirian telah meningkatkan pelbagai masalah bandar, antaranya kesesakan lalu lintas di pusat bandar dan di jalan utama, kekurangan tempat letak kereta di pusat bandar dan kekurangan kemudahan pengangkutan untuk menampung permintaan penjana perjalanan daripada orang ramai di Bandaraya Johor Bahru. Oleh itu, kajian ini tertumpu kepada mengenalpasti potensi Sistem *Park and Ride* dalam mengatasi masalah pengangkutan di Bandaraya Johor Bahru. Penyelidikan ini meliputi analisis ke atas masalah kesesakan lalu lintas, masalah tempat letak kereta di pusat bandar, liputan perkhidmatan pengangkutan bas awam dalam 400m *walkable distance* penduduk dan polisi-polisi pengangkutan untuk mengenalpasti keperluan Sistem *Park and Ride* di kawasan kajian. Senario masalah pengangkutan di kawasan kajian menunjukkan *home-work trip* menyumbang kepada masalah kesesakan lalu lintas dan permintaan yang tinggi kepada tempat letak kereta di pusat bandar. Seterusnya, penerimaan pengguna meletak kereta melebihi 8 jam di pusat bandar terhadap Sistem *Park and Ride* yang melibatkan 100 sampel responden dibuat melalui kajian soal selidik. Penemuan menunjukkan terdapat keperluan untuk menyediakan kemudahan Sistem *Park and Ride* di kawasan kajian walaupun persetujuan responden untuk menggunakan kemudahan ini hanya mencatatkan 51%. Akhirnya, potensi Sistem *Park and Ride* di kawasan kajian bagi menangani masalah pengangkutan dirumuskan dan cadangan Sistem *Park and Ride* di kawasan kajian dibuat berdasarkan permintaan dan keperluan bakal pengguna Sistem *Park and Ride*.

ABSTRACT

High level of motorisation encourages urban sprawl and cities are plagued with a lot of transportation problems, especially traffic congestion, lack of parking facility in centre business district and scarcity of transport facility to meet the high demand of citizen's travel in the City of Johor Bahru. This study is carried out to focus on the potential of Park and Ride System in reducing the transportation problem in the City of Johor Bahru. This research include analysis on the traffic congestion problem and level of service of road and junction, parking problem in centre business district, public transport coverage within 400m walkable distance and policy of transportation to identify the need of Park and Ride System in study area. The scenario of transportation problems indicate that commuting trip produced by workers led to the traffic congestion and high demand of parking facility problem in study area. Subsequently, acceptance and demand of Park and Ride System in study area are studied by interviewing the parkers who use parking lot more than 8 hours per day (involve 100 respondents). The findings show that there is a need to introduce Park and Ride System in study area even though the analysis of fieldwork survey shows that only 51% of respondent accept to use Park and Ride facility. Finally, the potential of Park and Ride System in lessen the transportation problem in study area would be concluded and proposal of Park and Ride System has been made based on the demand and need of potential users.